

29 AUG 1996

PUSAT OLEOKIMIA TERAJUI PENYELIDIKAN BIDANG OLEOKIMIKA

SHAH ALAM, 29 Ogos (Bernama) -- Pusat Teknologi Oleokima Lanjutan (AOTC) di Bangi akan menerajui lebih banyak lagi penyelidikan dalam pelbagai segmen industri oleokimia ke arah pengeluaran penghiliran.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (Porim), Datuk Dr Yusof Basiron hari ini berkata bahawa AOTC menghadapi cabaran memajukan keluaran oleokimia yang diterima baik oleh para pengguna.

Pusat tersebut telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan ini.

Industri oleokimia yang berusia 10 tahun semakin berkembang yang menghasilkan kira-kira RM2 juta dari segi pendapatan tukaran asing tahun lalu. Beliau berkata demikian selepas majlis pemeteraian perjanjian yang melantik Porim sebagai Pertubuhan Penetapan Standard (SWO) di Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) di sini hari ini.

Kira-kira 90 peratus daripada keluaran oleokimia yang dibuat di Malaysia dieksport ke seberang laut untuk proses hiliran, tambahnya.

Dr Yusof berkata permintaan bagi keluaran oleokimia di sebarang laut adalah tinggi kerana teknologi dan kemudahan untuk membuat keluaran oleokimia hiliran adalah tinggi.

Di samping itu, kebanyakan daripada kilang oleokimia di Malaysia menghasilkan keluaran oleokimia perantaraan seperti lelemak asid dan metil ester yang diguna secara besar-besaran di negara-negara maju untuk membuat keluaran akhir dan barangan perindustrian, tambahnya.

Oleokimia tempatan tidak dimajukan seperti yang diinginkan tetapi masih bergantung kepada pasaran eksport yang menggunakan oleokimia perantaraan yang dihasilkan oleh Malaysia, kata Dr Yusof.

Pengeluaran oleokimia Malaysia juga tidak digunakan sepenuhnya di dalam negeri kerana penduduknya tidak begitu ramai, tambahnya.

Oleh yang demikian, Malaysia mempunyai lebihan keluaran oleokimia dan keseluruhan industri minyak sawit diurus untuk pasaran eksport.

Keluaran oleokimia hiliran buatan Malaysia termasuklah sabun, syampu dan pelembut kain. -- BERNAMA

MK MA/sia